

Program Diskusi Intelektual dan
Majlis Pelancaran Buku oleh YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia
16 Januari 2018

Oleh:
Datuk Dr. Anis Yusal Yusoff
Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif
Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Bismillahirrahmanirahim....

Terima kasih Saudara dan Saudari Pengacara
majlis;

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid
Hamidi Timbalan Perdana Menteri Malaysia;

Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Seri Jamil
Khair bin Baharom, Menteri di Jabatan Perdana
Menteri;

Yang Berbahagia Tan Sri Zainal Rahim bin Seman,
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam yang juga ahli
Lembaga Pengarah INTEGRITI;

Yang Berbahagia Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad,
Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan
Malaysia mewakili YB Menteri Pendidikan Malaysia;

Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli Parlimen;

Yang Berbahagia Ketua-ketua Setiausaha
Kementerian dan Ketua-Ketua Pengarah;

Yang Berhormat Setiausaha-setiausaha Kerajaan
Negeri;

Yang saya muliakan, guru saya Prof. Ulung Datuk
Dr. Shamsul Amri Baharuddin dan ahli-ahli panel
serta Tuan moderator perbincangan Diskusi
Intelektual sebentar tadi;

Ketua-ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri;

Yang Berbahagia Ahli Lembaga Pengarah dan Ahli-
ahli INTEGRITI;

Tan Sri-Tan Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin;

Tuan-tuan, Puan-puan para tetamu Program
Diskusi Intelektual;

Seterusnya, saudara-saudari warga kerja
INTEGRITI yang dikasihi dan tidak dilupakan,
rakan-rakan media sekalian;

Assalamualaikum warah matullahi taala wabarakatuh dan salam sejahtera.

1. Hari ini adalah hari yang amat bersejarah bagi kami warga INTEGRITI kerana pada hari ini selain menerima kunjungan YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia ke Menara INTEGRITI, kami juga menerima kunjungan pelbagai lapisan pemimpin negara dari segenap lapisan masyarakat. Kehadiran YAB Timbalan Perdana Menteri pada petang ini, memberi petanda akan kepentingan agenda integriti diletakkan oleh pimpinan negara kita.

2. Kami bersyukur kehadiran Allah swt, kerana atas perkenanNya perhimpunan pada petang ini dapat kami laksanakan dengan sempurna. Kami panjatkan doa moga pertemuan yang bersejarah pada petang ini akan memberi nafas baharu kepada agenda Integriti negara yang telah kita mulakan hampir empat belas tahun yang lalu.

3. Kami juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada YAB Timbalan Perdana Menteri kerana dalam

kesibukan jadual tugas beliau, sudi juga untuk melapangkan masa bagi menyampaikan amanat di awal tahun kepada kita semua tentang hala tuju agenda integriti negara. Thank you sir.

4. Bagi pihak Lembaga Pengarah dan Pengurusan INTEGRITI, saya ingin mengalu-alukan kehadiran semua tetamu undangan pada hari ini dan berharap agar hasil pertemuan kita pada petang ini akan membuahkan lebih banyak benih semeaian integriti yang akan menghasilkan pohon-pohon integriti yang rendang di seluruh negara dan berdiri tegak dengan akar membumi, agar usaha untuk membudayakan integriti dalam masyarakat bukan hanya tersemat di sanubari malah menjadi amalan setiap rakyat di negara ini.

YAB Dato' Seri Dr. dan sidang hadirin yang saya muliakan;

5. 23 April 2004 adalah satu lagi tarikh bersejarah bagi kami di sini dan bagi kita semua rakyat Malaysia. Tarikh tersebut adalah permulaan agenda integriti negara kita dengan peluncuran Pelan Integriti Nasional atau PIN oleh YAB Perdana Menteri pada ketika itu Tun Abdullah Ahmad Badawi

dan penubuhan institut ini. Matlamat akhir kita melalui Pelan ini adalah untuk mewujudkan negara yang rakyatnya berintegriti tinggi, yang berdaya tahan dan mengamalkan nilai-nilai murni sejagat. Institut ini ditubuhkan dengan hasrat untuk menyelaras, memantau, dan menilai pelaksanaan PIN.

6. Untuk institut ini menyelaras, memantau, dan menilai, kami perlu menggerakkan semua agensi pelaksana untuk memainkan peranan masing-masing ke arah usaha membudayakan integriti dalam negara. Kami sedar usaha ini tidak hanya akan dapat dicapai oleh INTEGRITI tanpa sokongan dan bantuan semua pihak. Sebab itu kami amat berterima kasih atas sokongan yang sering kami terima daripada ahli-ahli lembaga pengarah, ahli-ahli INTEGRITI dan semua pihak.

7. Hari ini, di awal tadi kami mulakan tahun ini dengan program Diskusi Intelektual INTEGRITI. Program ini bukan yang pertama atau yang terakhir, jauh sekali ianya hanya berupa “Talk shop” sahaja. Saya jemput guru saya, YBhg Prof. Ulung Datuk Dr. Shamsul AB bersama dengan YBrs Prof. Madya Dr. Sharifah Hayaati dan YBrs Dr. Wendy Yee untuk mengupas tajuk “Membina Negara Bangsa

Berintegriti: dengan memberi fokus kepada tema Peranan Institusi pelbagai agama dan institusi pendidikan. Program ini adalah kelangsungan daripada usaha yang telah kami laksanakan di INTEGRITI sebelum ini. Kami mendampingi cerdik pandai dalam negara untuk kami memahami dengan lebih mendalam perihal cabaran dan masalah integriti agar permasalahan di peringkat akar umbi dapat kita kenal pasti dan tangani secara berhemah dan tuntas.

YAB Dato' Seri Dr. dan sidang hadirin yang saya muliakan;

8. Hubungan atau nexus antara penyelidikan dan dasar negara adalah antara keutamaan yang telah kami berikan tumpuan untuk melihat impak dari usaha-usaha yang telah diambil. Kami mementingkan outcome dengan menumpukan kepada empat output yang dapat diukur dan dapat memberi kelangsungan kepada agenda integriti negara. Malah PIN itu sendiri dihasilkan dari kajian tentang persepsi orang awam terhadap rasuah yang dilaksanakan dalam tahun 2002.

9. Hari ini, seperti juga program-program sebelum ini, hasil diskusi intelektual ini, sama seperti hasil perbincangan meja bulat yang sering kami adakan, telah kita dokumentasikan dan ada ketikanya kami laksanakan penyelidikan susulan atau perbincangan kumpulan fokus. Semua ini bertujuan untuk memahami secara mendalam punca permasalahan dan jalan terbaik untuk kita tangani sesuatu masalah tersebut.

10. Malah sejak 2007 lagi, kami terus memantau persepsi integriti masyarakat. Tiga komponen masyarakat sebagai responden kajian, iaitu kumpulan isi rumah, penjawat awam dan pihak swasta di kaji. Analisa daripada hasil kajian yang telah dilaksanakan sejak 2007 sehingga 2017 membantu kami untuk menilai tahap pelaksanaan PIN, terutama apabila kita dapat melihat tidak adanya korelasi antara program yang dilaksanakan dengan permasalahan di akar umbi.

11. Instrumen-instrumen yang telah dibangunkan secara sendiri mahupun dengan kerjasama rakan pintar yang lain adalah sebagai usaha tambahan kepada apa yang telah dirancang dan terkandung di dalam PIN. Semua ini dibina dengan asas yang kukuh dan bersandarkan kajian yang mendalam.

Sebagai contoh, Malaysian Integrity Profile (MIP) adalah instrumen ujian integriti bersandarkan kepada psychometric test yang dibina dengan bantuan MIMOS Bhd. Ujian ini dapat menilai kecenderungan seseorang samada bertindak dengan integriti atau sebaliknya. Hari ini telah banyak agensi yang menggunakan perkhidmatan INTEGRITI. Integrity Assessment Tool (IAT) pula adalah satu lagi instrumen yang dibina untuk menilai tahap integriti sesebuah organisasi. 12 dimensi sesebuah organisasi kami kaji. Kedua-dua instrumen ini dapat digunakan bagi membantu organisasi menyediakan Pelan Integriti Organisasi (PIO) masing-masing. Sebagai contoh, Pelan Integriti untuk PDRM dan banyak lagi lain-lain agensi kita hasilkan bersama di sini. Dengan adanya Pelan Integriti Organisasi masing-masing, maka usaha memupuk budaya integriti dapat dilaksanakan secara sistematik dan tersusun.

12. Sebentar tadi saya sempat menerangkan kepada YAB Timbalan Perdana Menteri tentang Dashboard INTEGRITI yang dibina bertujuan untuk membantu kami memantau dan menilai keberkesanan program yang dilaksanakan. YAB Timbalan Perdana Menteri telah turut sudi untuk merasmikan Pusat Data INTEGRITI serta Makmal

Malaysian Integrity Profile di tingkat satu. Semua hadirin adalah dijemput untuk melawat Pusat Data INTEGRITI di penghujung program ini nanti bagi melihat sendiri bagaimana kami menilai strategi pengukuhan agenda integriti di semua peringkat negara samada ia memberi impak yang berkesan atau tidak.

13. Secara ringkasnya, Dashboard ini memaparkan data dan maklumat berkaitan program integriti yang telah dilaksanakan oleh semua agensi di seluruh negara. Melalui Dashboard ini, kami dapat mengetahui kawasan mana yang banyak melaksanakan program dan jenis program yang dilaksanakan. Juga adakah program yang dijalankan itu membantu mengurangkan isu di peringkat tempatan. Contohnya satu daerah kita melihat banyak program pengukuhan integriti dalam kalangan penjawat awam, sedangkan masalah yang dihadapi oleh masyarakat setempat adalah peningkatan kes-kes penceraian yang menjejaskan kebahagiaan institusi keluarga. Mekanisme ini juga merangkumi data kajian persepsi integriti nasional yang saya sebutkan diawal tadi. Juga ianya merangkumi statistik isu-isu integriti seperti kefahaman tentang rasuah, pengaduan terhadap perkhidmatan kerajaan dan agensi penguatkuasaan

dan isu-isu berkaitan dengan kualiti hidup bagi setiap negeri. Dengan adanya Dashboard ini, kami dapat mengetahui permasalahan yang berlaku di peringkat negeri dan membantu kami untuk menyelaraskan, memantau dan menilai dengan lebih baik.

YAB Dato' Seri Dr. dan sidang hadirin yang saya muliakan;

14. Sebagai usaha berterusan kami untuk menggerakkan pelbagai sektor masyarakat dan agensi pelaksana untuk membantu pelaksanaan PIN, kami telah menganjurkan pelbagai aktiviti sebagai pencetus idea tentang kepelbagaian usaha yang dapat dilaksanakan. Paling penting adalah untuk kita mencari penyelesaian selain dari hanya mengadakan forum dan ceramah sahaja. Inisiatif seperti pementasan teater, tayangan filem pendek, pembinaan modul-modul latihan, penerbitan bahan bacaan tambahan, penyediaan Current Awareness Service (CAS) secara bulanan, dan juga program-program berbentuk pertandingan, seperti pertandingan lukisan, pertandingan fotografi, pertandingan video pendek, pertandingan penyediaan kertas dasar dan banyak lagi adalah

beberapa cetusan usaha untuk menunjukkan bahawa ada banyak cara untuk kita laksanakan program dalam usaha untuk membudayakan integriti.

15. Sebagai usaha berterusan untuk menggerakkan agensi pelaksana PIN, INTEGRITI telah mula turun ke akar umbi. Program Roadshow yang telah kami adakan di Sarawak, Selangor, Johor dan Pulau Pinang pada tahun lalu akan bersambung di Perlis pada 30 Januari ini dan di Kelantan pada 5 Februari nanti. Malah di Perlis, DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamulallail, Raja Muda Perlis telah berkenan berangkat bercemar duli untuk menyampaikan Titah Integriti pada upacara perasmian nanti.

16. Kami berharap kami dapat turun ke peringkat daerah selepas ini. Kami percaya usaha membudayakan integriti harus turun ke akar umbi. Pelan Integriti Nasional perlu diterjemahkan kepada pelan integriti disetiap daerah dan agensi dalam negara. Instrumen-instrumen yang telah kami bina dan program-program yang telah kami laksanakan di bawa ke akar umbi sebagai contoh dan juga sebagai bahan bantuan.

YAB Dato' Seri Dr. dan sidang hadirin yang saya muliakan;

17. Selain dari apa yang telah saya sebutkan di awal tadi, kami juga memberi tumpuan kepada dua institusi penting dalam negara. Yang pertama adalah institusi agama dan kedua adalah institusi pendidikan dalam negara. Bagi tujuan membantu kedua-dua institusi ini melaksanakan tugas mereka untuk membina negara bangsa berintegriti, kami telah bekerjasama dengan beberapa orang pakar dalam menghasilkan dua buah bahan terbitan yang insyaAllah sebentar lagi akan diluncurkan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia.

18. Buku kecil yang pertama bertajuk “Nilai Integriti Pelbagai Agama: Pengikat Persefahaman” dihasilkan dengan harapan agar kita semua rakyat Malaysia daripada pelbagai latar belakang etnik dan agama, dapat menghargai kepelbagaian dalam negara, tetapi pada masa yang sama kita juga dapat menghormati persamaan pada nilai-nilai murni yang dipelopori oleh semua agama. Lebih penting untuk kita dapat terus mengekalkan kesepaduan sosial yang telah wujud selama ini dalam negara ini.

Usaha untuk menguruskan keharmonian kaum dan mencari titik perpaduan merupakan satu usaha yang bukan mudah. Apatah lagi untuk menjaga semua ini berteraskan ketelusan dan integriti yang tinggi. Oleh sebab itu, rakyat terus diingatkan tentang kepentingan menjaga hubungan antara kaum dan integriti masing-masing.

19. Buku kedua yang dihasilkan adalah Modul integriti untuk anak-anak Pra-sekolah. Kami di INTEGRITI berpendapat bahawa budaya integriti perlu dipupuk seawal usia. Nilai-nilai murni, etika dan integriti perlu bermula di rumah dan di Tadika lagi. Hasil daripada kajian yang kami laksanakan selepas mengadakan program rintis bagi Modul ini di sebelas buah sekolah tadika, kami dapati perubahan nilai pada anak-anak ini sangat ketara dan menyokong keperluan untuk modul ini diguna pakai oleh sebanyak mungkin tadika di seluruh negara. Kami berterima kasih atas sokongan Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah bersetuju untuk modul ini digunakan oleh 9321 lebih sekolah tadika milik Kementerian dan pelaksanaannya akan dilakukan secara berfasa.

20. Kami juga berharap agar kedua-dua bahan terbitan ini akan menyumbang ke arah kefahaman

dan pencarian kepada penyelesaian yang lebih efektif. Saya secara peribadi dan bagi pihak Pengurusan INTEGRITI ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua penulis yang menyumbang bahan dan juga kepada pasukan yang membantu menggubal modul integriti pra-sekolah. Terima kasih daun keladi, harap kita dapat bekerjasama lagi. Kepada Editor kedua-dua buku, tahniah serta syabas dan semoga Saudara saudari akan terus menghasilkan bahan bacaan lain yang dapat menyumbang kepada kefahaman yang lebih mendalam kepada kita semua.

21. Akhir sekali, Terima kasih yang tidak terhingga kepada YAB Timbalan Perdana Menteri kerana sudi meluangkan masa untuk bersama-sama kita pada petang ini bagi menyampaikan ucap-tama dan menyempurnakan majlis peluncuran dua buah buku INTEGRITI. Sesungguhnya kehadiran YAB Dato' Seri Dr. bagi menyampaikan ucap-tama pada majlis Diskusi Intelektual dengan tajuk "membina Negara Bangsa Berintegriti: Peranan Institusi Pelbagai Agama dan Pendidikan" dan seterusnya melancarkan buku-buku integriti memperlihatkan komitmen serta keazaman yang tinggi oleh pucuk pimpinan negara dalam usaha

murni lagi mulia, iaitu ke arah membina negara bangsa berintegriti.

22. Orang tua-tua Melayu mengingatkan dalam ungkapan tunjuk ajar lama: “Apa tanda bangsa bertuah, siasahnya santun memegang amanah, kebijakan terpuji tiada menyalah, Maruah berdiri daulat bertambah, Alam terpelihara hasil melimpah, rakyat sejahtera rezeki bertambah, negeri jaya dirahmati Allah. Apabila bersiasah akhlak senonoh, pemimpinnya elok rakyatnya patuh, negeri aman tuahnya pun tumbuh, hidup sejahtera musuh menjauh.” Hari ini kita semua amat bertuah, kerana sebentar lagi kita akan mendengar ucapnama oleh YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia yang akan memberi panduan dan amanat kepada kita semua dalam menjayakan agenda integriti agar negara bangsa kita terus bertuah dan terus dipelihara Tuhan.

23. Dengan sukacita dan dengan penuh takzim, saya ingin mempersilakan YAB Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia untuk menyampaikan Ucapnama beliau. Dengan segala hormatnya dipersilakan...